

Oleh/By : DATO SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
Tempat/Venue: DEWAN NEGARA
Tarikh/Date: 06-12-2001
Tajuk/Title : PERUTUSAN BELANJAWAN TAHUN 2002

Saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk "Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2002 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu" dibaca bagi kali yang kedua.

2. Syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala kerana dapat bersama pada pagi ini untuk membentangkan Belanjawan 2002 yang telah saya bentangkan dalam Dewan Rakyat pada 19 Oktober yang lalu. Belanjawan ini disediakan dalam persekitaran luar yang sukar dan mencabar. Prestasi ekonomi dunia yang semakin lemah sejak awal tahun ini, berikutan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat dan Jepun, diburukkan lagi oleh kejadian serangan 11 September ke atas Amerika Syarikat. Untuk mengurangkan kesan negatif ke atas ekonomi negara, Kerajaan telah bertindak cepat dengan melaksanakan pakej rangsangan ekonomi dengan peruntukan sebanyak 4.3 bilion ringgit sebagai tambahan kepada 3 bilion ringgit yang diumumkan dalam bulan Mac 2001.

3. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada suku ketiga telah mengalami pertumbuhan negatif sebanyak 1.3 peratus berbanding dengan pertumbuhan positif sebanyak 3.1 peratus pada suku pertama dan 0.5 pada suku kedua. Kita masih dapat mengelak kemelesetan pertumbuhan ekonomi bagi tempoh sembilan bulan pertama di mana pertumbuhan KDNK masih positif, iaitu sebanyak 0.7 peratus, berbeza dengan beberapa negara di rantau ini yang telah mengalami kemelesetan. Singapura umpamanya, telah mengalami kemerosotan sebanyak 0.5 peratus pada suku kedua dan 5.6 peratus untuk suku ketiga, manakala Taiwan, 2.4 peratus bagi suku kedua dan 4.2 peratus untuk suku ketiga.

4. Keadaan ekonomi dunia yang kurang memberangsangkan, pastinya tidak membolehkan kita terlalu bergantung kepada sektor luar untuk menjana pertumbuhan. Oleh yang demikian, kita perlu melaksanakan strategi domestic-led growth, dengan izin. Punca pertumbuhan kini perlu lebih dipelbagaikan dengan disokong oleh dasar rangsangan fiskal dan dasar kewangan yang akomodatif.

5. Kerajaan telah melaksanakan strategi rangsangan fiskal sejak tahun 1998. Namun, pengurusan kewangan yang berhemah telah membolehkan Kerajaan terus melaksanakan strategi ini. Kadar tabungan negara yang tinggi sebanyak 33.6 peratus daripada KDNK membolehkan Kerajaan menggunakan sumber dalam negeri untuk membiayai sebahagian besar defisit. Pada tahun ini, keseluruhan defisit fiskal masih terkawal pada paras 6.5 peratus daripada KDNK. Di samping itu, hutang luar negara berada pada paras rendah iaitu 46.9 peratus daripada KDNK, manakala nisbah khidmat hutang kepada eksport adalah rendah sebanyak 5.8.

6. Asas ekonomi negara yang terus kukuh juga memberi fleksibiliti kepada Kerajaan untuk melaksanakan rangsangan fiskal. Asas-asas ekonomi ini meliputi:

i. rizab antarabangsa negara yang kukuh berjumlah 116.5 bilion ringgit atau 30.7 bilion dolar Amerika pada akhir November, mampu membiayai 5 bulan import tertangguh. Paras rizab ini melebihi 6 kali hutang luar negara jangka pendek;

ii. imbangan perdagangan luar masih mencatat lebihan untuk 48 bulan berturut-turut bagi tempoh November 1997 hingga Oktober tahun ini;

iii. akaun semasa imbangan pembayaran negara berada dalam kedudukan lebihan sebanyak 7.9 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK);

iv. jumlah pengaliran masuk bersih pelaburan langsung asing telah kembali meningkat sebanyak 3.8 bilion ringgit bagi tempoh suku ketiga tahun ini. Peningkatan ini merupakan pertama kali semenjak suku pertama tahun 2000;

v. sistem perbankan negara kekal teguh dengan nisbah modal berwajaran risiko sebanyak 12.7 peratus, melebihi paras 8 peratus piawaian antarabangsa, manakala paras pinjaman tidak berbayar (NPL) masih terkawal, iaitu 8.2 peratus pada akhir Oktober; dan

vi. tekanan inflasi kekal rendah pada kadar 1.4 peratus dalam tempoh Januari hingga Oktober.

7. Selain rangsangan fiskal, dasar kewangan yang akomodatif terus dilaksanakan, terutamanya untuk meningkatkan sentimen pelabur dan mengukuhkan keyakinan pengguna. Pelbagai kemudahan pembiayaan pinjaman pada kadar faedah yang rendah telah disediakan, terutamanya untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana. Aktiviti pinjaman dijangka meningkat lagi dengan langkah Bank Negara Malaysia mengurangkan kadar campuran 3 bulan sebanyak 5 peratus pada 20 September 2001. Kadar berian pinjaman asas (BLR) bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan telah berkurangan ke paras terendah pernah dicatatkan, masing-masing sebanyak 6.4 peratus dan 7.45 peratus.

8. Berasaskan kedudukan ekonomi makro yang masih kukuh, langkah Kerajaan untuk merangsang ekonomi merupakan tindakan yang bijak. Walaupun langkah ini dipersoalkan oleh Institusi Kewangan Antarabangsa, namun dalam situasi yang sama, negara-negara maju juga telah melaksanakan langkah yang sama.

9. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang memperkemas lagi jentera pelaksanaan untuk memastikan peruntukan yang disediakan di bawah Belanjawan 2001 dan peruntukan tambahan di bawah pakej rangsangan sebanyak 7.3 bilion ringgit dapat dibelanjakan. Daripada jumlah pakej rangsangan ini, sebanyak 1.2 bilion ringgit diperuntukkan bagi meningkatkan infrastruktur pendidikan seperti pembinaan kolej universiti, kolej komuniti dan makmal komputer serta

perbelanjaan penyelenggaraan sekolah-sekolah. Kerajaan juga sedang membelanjakan 1 bilion ringgit bagi projek-projek kecil untuk dilaksanakan di seluruh negara. Projek-projek tersebut melibatkan pembinaan jalan-jalan kampung dan kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik luar bandar serta balai raya dan sebagainya. Dalam hubungan ini, rakyat akan menikmati kemudahan tersebut, syarikat kecil Bumiputera mendapat kontrak, peniaga dapat membekalkan bahan binaan dan seterusnya pertumbuhan ekonomi terjana. Adalah dianggarkan sebahagian besar daripada hampir 17,500 kontraktor Kelas F Bumiputera berpeluang terlibat dalam projek-projek kecil ini. Oleh yang demikian, amatlah penting sekali supaya semua pihak iaitu agensi Kerajaan, kontraktor dan pembekal memastikan bahawa program ini berjaya dilaksanakan dan seterusnya mengelakkan negara daripada mengalami kemelesetan.

10. Di bawah pakej rangsangan ini juga kerja-kerja penyelenggaraan bangunan dan kuarters Kerajaan bagi Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertahanan dan Polis DiRaja Malaysia sedang giat dilaksanakan. Tidak ketinggalan juga, kerja-kerja penyelenggaraan jalan di kawasan industri akan dimulakan segera. Kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak 300 juta ringgit bagi pemulihan projek-projek rumah kos rendah yang terbengkalai di seluruh negara.

11. Kelembapan ekonomi yang mula dirasai telah menjejaskan pasaran buruh di mana ramai pekerja telah diberhentikan sementara peluang pekerjaan baru berkurangan, terutamanya bagi graduan baru lepasan institusi pengajian tinggi. Bagi mereka ini, sebanyak 300 juta ringgit telah disediakan di bawah pakej rangsangan untuk melatih mereka dalam bidang ICT dan kemahiran bahasa.

12. Walaupun bagi suku tahun ketiga ekonomi negara telah mengalami pertumbuhan negatif, Kerajaan yakin bahawa dengan terlaksananya pakej rangsangan fiskal ini, ekonomi negara akan mencapai pertumbuhan positif bagi keseluruhan tahun 2001, Insya Allah.

13. Prospek pertumbuhan ekonomi bagi tahun 2002 banyak bergantung kepada perkembangan luar yang masih sukar dan kian mencabar. Pertumbuhan ekonomi dunia kini diramalkan lebih perlahan. Memandangkan kepada kedudukan ini, pertumbuhan ekonomi negara perlu didorong oleh kegiatan dalam negeri. Dengan wujudnya asas ekonomi negara yang kukuh serta langkah rangsan fiskal yang dilaksanakan oleh Kerajaan, pertumbuhan ekonomi dijangka meningkat antara 4 hingga 5 peratus pada tahun hadapan. Kesemua sektor ekonomi utama dijangka akan terus mencatat pertumbuhan, diterajui oleh sektor pembuatan dan perkhidmatan. Meskipun perkembangan sektor luar tidak menentu, negara dijangka terus mencatat lebihan dalam akaun semasa imbalan pembayaran. Pendapatan per kapita bertambah 4.7 peratus kepada 13,962 ringgit bagi tahun 2002, melebihi tahap sebelum krisis kewangan serantau, iaitu 12,314 ringgit.

14. Dengan mengambilkira perkembangan ekonomi dunia yang semakin mencabar, pertumbuhan ekonomi negara akan terus didorong oleh kecergasan aktiviti ekonomi dalam negeri. Justeru, Belanjawan 2002 akan ditumpukan kepada tiga strategi berikut:

i. memperkukuhkan semula pertumbuhan ekonomi negara melalui peningkatan perbelanjaan dalam negeri, mempergiatkan lagi peranan sektor swasta serta meningkatkan daya saing;

ii. mempelbagaikan sumber pertumbuhan melalui aktiviti dagangan dan perusahaan dalam negeri tanpa mengurangkan peranan pelaburan dari luar dan memastikan eksport negara terus berkembang; dan

iii. menentukan agihan kekayaan supaya lebih saksama antara bandar dan luar bandar, antara yang berpendapatan rendah dan yang berpendapatan tinggi dan antara negeri-negeri yang kurang maju dengan yang lebih maju.

Strategi Pertama: Memperkukuhkan Semula Pertumbuhan Ekonomi Negara

15. Untuk mengukuhkan semula ekonomi negara, Kerajaan berusaha untuk meningkatkan perbelanjaan dalam negeri dengan meneruskan rangsangan fiskal, menggalakkan penggunaan dan menggiatkan peranan sector swasta. Untuk meneruskan rangsangan fiskal, saya mencadangkan sejumlah 100.52 bilion ringgit diperuntukkan bagi Belanjawan tahun 2002, iaitu pertambahan 10.4 peratus berbanding peruntukan asal tahun 2001. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 66.98 bilion ringgit adalah untuk Perbelanjaan Mengurus dan 33.54 bilion ringgit untuk Perbelanjaan Pembangunan. Dengan mengambil kira anggaran hasil sebanyak 73.4 bilion ringgit, akaun keseluruhan Kerajaan Persekutuan dijangka mencatatkan defisit sebanyak 5 peratus daripada KDNK, lebih rendah dari 6.5 peratus pada tahun 2001.

16. Di bawah Perbelanjaan Mengurus yang dicadangkan, sejumlah 33.33 bilion ringgit diperuntukkan kepada Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Antaranya, adalah untuk bayaran khidmat hutang negara, bayaran pencen dan ganjaran serta sumbangan kepada kumpulan-kumpulan wang terkanun. Sebanyak 17.58 bilion ringgit lagi untuk Emolumen, 12.07 bilion ringgit untuk Perkhidmatan dan Bekalan, 1.53 bilion ringgit untuk pembelian kelengkapan dan kemudahan pejabat serta 2.47 bilion ringgit bagi perbelanjaan lain, termasuk bayaran balik cukai.

17. Daripada jumlah Perbelanjaan Pembangunan yang dicadangkan, sebanyak 13.11 bilion ringgit atau 39.1 peratus adalah untuk sektor ekonomi, di samping 12.21 bilion ringgit atau 36.4 peratus untuk sektor sosial, 3.31 bilion ringgit atau 9.9 peratus bagi sector keselamatan dan 2.91 bilion ringgit atau 8.7 peratus untuk sektor pentadbiran am. Bakinya, sebanyak 2 bilion ringgit atau 5.9 peratus untuk Simpanan Luar Jangka.

18. Aktiviti ekonomi dalam negeri boleh digiatkan lagi sekiranya pendapatan boleh guna rakyat dipertingkatkan untuk menggalakkan penggunaan. Dengan ini, kadar cukai pendapatan individu dikurangkan 1 hingga 2 mata peratusan bagi semua kumpulan pendapatan. Bagi mendorong

daya usaha bekerja, pendapatan bercukai yang tertakluk kepada kadar tertinggi dinaikkan daripada melebihi 150 ribu ringgit kepada melebihi 250 ribu ringgit dan sekatan ke atas bonus yang diberi oleh sektor swasta dimansuhkan.

19. Sektor swasta juga perlu tampil ke hadapan untuk memainkan peranan yang lebih utama dalam menggerakkan ekonomi. Bagi mendorong sektor swasta meningkatkan pelaburan dan mengurangkan kos kendalian perniagaan, Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah percukaian seperti berikut:

i. Tempoh Elaun Pelaburan Semula dilanjutkan daripada 5 tahun kepada 15 tahun;

ii. Perbelanjaan dan sumbangan syarikat dalam pengurusan RosettaNet Malaysia dan dalam membantu syarikat kecil dan sederhana menggunakan RosettaNet diberi potongan cukai;

iii. Elaun Bangunan Industri dikaji semula melibatkan kenaikan elaun tahunan daripada 2 peratus kepada 3 peratus, elaun permulaan 10 peratus yang kini hanya diberi kepada bangunan yang dibina diperluaskan kepada bangunan yang dibeli dan Elaun Bangunan Industri diberi kepada semua hotel;

iv. duti import ke atas 226 barangan dikurangkan daripada di antara 5 peratus dan 105 peratus kepada di antara 0 peratus dan 50 peratus;

v. pendapatan sewa kontena yang diterima oleh bukan pemastautin daripada syarikat perkapalan di Malaysia dikecualikan daripada cukai pendapatan; dan

vi. pendapatan persatuan perdagangan daripada subscription fee dikecualikan cukai pendapatan.

20. Bagi menggalakkan industri melabur dalam aktiviti bernilai tambah yang tinggi seperti perkhidmatan logistik, perkhidmatan sokongan pasaran bersepadu dan pusat perkhidmatan utiliti, syarikat terlibat diberi pengecualian cukai pendapatan selama 5 tahun dan pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan yang digunakan.

21. Peranan sektor swasta juga penting dalam usaha negara untuk beralih ke arah kegiatan pertumbuhan K-economy atau ekonomi berasaskan pengetahuan. Penyertaan mereka dalam pembangunan ICT negara akan diberi perhatian oleh Kerajaan melalui penubuhan Malaysia Venture Capital Management Berhad atau MAVCAP dengan dana berjumlah 500 juta ringgit. Daripada jumlah tersebut, 100 juta ringgit adalah untuk dengan izin, local outsourcing program, yang akan diuruskan oleh 4 syarikat modal teroka tempatan dalam bidang ICT, bioteknologi dan industri-industri yang berkaitan.

22. Bagi menggalakkan lagi penggunaan ICT dalam perdagangan yang membolehkan Malaysia menjadi lokasi perniagaan yang menarik,

mempercepatkan penguasaan teknologi terkini dan menambah tenaga kerja mahir, galakan berikut turut disediakan:

i. cukai ke atas pendapatan daripada perdagangan luar pesisir melalui website di Malaysia dikurangkan daripada 28 peratus kepada 10 peratus selama 5 tahun;

ii. kos bagi membangunkan website untuk perniagaan juga diberi potongan tahunan sebanyak 20 peratus selama 5 tahun;

iii. potongan tahunan ke atas perbelanjaan memperolehi hak empunya dinaikkan daripada 10 peratus kepada 20 peratus untuk tempoh 5 tahun; dan

iv. perbelanjaan menyediakan latihan amali kepada bukan kakitangan diberi potongan cukai.

23. Kerajaan turut menyediakan peruntukan sebanyak 300.8 juta ringgit untuk melaksanakan Aplikasi Perdana Kerajaan Elektronik, Sekolah Bistari, Teleperubatan, Kad Pintar dan Integrasi Aplikasi. Sejumlah 693.2 juta ringgit juga disediakan untuk meningkatkan program pengkomputeran di kementerian dan jabatan Kerajaan dan di sekolah-sekolah. Bagi meningkatkan penggunaan kad pintar pelbagaiguna dalam urusan kewangan, kad pintar dan peralatannya diberi pengecualian cukai jualan.

Strategi Kedua: Mempelbagaikan Sumber Pertumbuhan

24. Sebagai usaha mempelbagaikan sumber pertumbuhan dalam negeri, terdapat banyak bidang yang boleh diceburi dalam sektor perkilangan, pertanian dan perkhidmatan. Keluaran perkilangan, terutamanya produk oleokimia berasaskan minyak kelapa sawit, getah dan perabot perkayuan serta produk industri peralatan elektrik rumah, semuanya mempunyai potensi permintaan yang tinggi, terutamanya dari Asia Barat dan Afrika. Begitu juga dengan keluaran industri fabrikasi besi dan aluminium serta pengeluaran mesin, perlu digiatkan lagi, terutamanya bagi menampung keperluan industri tempatan dan juga eksport. Justeru, galakan cukai disediakan seperti berikut:

i. kadar pengecualian cukai Taraf Perintis dinaikkan daripada 70 peratus kepada 100 peratus dan Elaun Cukai Pelaburan daripada 60 peratus kepada 100 peratus bagi aktiviti pengeluaran machine tools, plastic injection machines, material handling equipment dan robotic, factory automation equipment serta components and parts; dan

ii. kriteria nilai ditambah bagi Taraf Perintis dan Elaun Cukai Pelaburan dilonggarkan daripada 30 peratus kepada 20 peratus bagi pengeluaran mesin dan peralatan.

25. Kerajaan sentiasa memastikan eksport negara terus berkembang. Untuk ini, galakan cukai berkaitan disediakan:

- i. syarikat Malaysia yang diiktiraf sebagai syarikat perdagangan antarabangsa diberi pengecualian cukai pendapatan bersamaan 10 peratus ke atas peningkatan nilai eksport dan kriteria kelayakan dilonggarkan;
- ii. pengecualian cukai pendapatan bagi pengeksport perkhidmatan ditingkatkan daripada 10 peratus kepada 50 peratus daripada peningkatan nilai eksport;
- iii. penganjur pameran perdagangan antarabangsa yang melibatkan sekurang-kurangnya 500 orang pelawat asing setahun diberi pengecualian cukai pendapatan;
- iv. skop perbelanjaan bagi tujuan potongan cukai dalam promosi eksport barangan dan perkhidmatan diperluaskan;
- v. perbelanjaan pendaftaran paten di luar negara dan bayaran sewa hotel kepada bakal pengimport barangan Malaysia diberi potongan cukai; dan
- iv. galakan potongan cukai dua kali diperluaskan kepada kos pengiklanan jenama Malaysia yang telah didaftarkan di luar negara dan perbelanjaan ke atas yuran professional kepada syarikat yang mempromosikan jenama Malaysia.

26. Sektor pertanian perlu dibangunkan ke tahap yang lebih tinggi, supaya negara dapat mengeluarkan pelbagai hasil tanaman dan ternakan, di samping mengurangkan bil import negara. Pengeluaran makanan, termasuk keluaran daging burung unta dan rusa, sayuran dan buah-buahan, akuakultur ikan air tawar dan air masin, udang dan tiram serta ikan hiasan dan tanaman bunga-buahan boleh diceburi. Bidang herba tradisional dan makanan halal perlu juga dipergiatkan. Sehubungan dengan ini, sejumlah 1.58 bilion ringgit diperuntukkan kepada sektor pertanian untuk meningkatkan kegiatan penanaman dan penternakan serta menggalakkan pengeluaran bekalan bahan makanan. Di samping itu, galakan cukai berikut disediakan:

- i. syarikat pengeluar bahan makanan yang melabur semula diberi pengecualian cukai pendapatan 100 peratus selama 5 tahun;
- ii. elaun 100 peratus ke atas perbelanjaan modal bagi menggalak pengeluaran bahan makanan secara besar-besaran diperluaskan;
- iii. aktiviti penternakan ayam itik di Koridor Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak diberi Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan; dan
- iv. syarikat pengeluar produk berasaskan sumber yang membuat pelaburan semula diberi Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan selama 5 tahun.

27. Peranan sektor perkhidmatan juga mesti diberi tumpuan, terutamanya dalam bidang pelancongan, pendidikan dan pengangkutan. Untuk menggalakkan lagi aktiviti pelancongan negara, sejumlah 613.9 juta ringgit diperuntukkan kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Daripada jumlah tersebut, 200 juta ringgit adalah untuk aktiviti promosi. Untuk meningkatkan penyertaan sektor swasta dalam industri pelancongan, Kerajaan akan menambah dana bagi Tabung Khas Pelancongan daripada 200 juta ringgit kepada 400 juta ringgit. Langkah-langkah cukai turut disediakan seperti berikut:

i. pendapatan sewaan kapal layar atau kapal mewah bermotor diberi pengecualian cukai selama 5 tahun;

ii. duti import ke atas motosikal mewah dikurangkan daripada 120 peratus kepada 60 peratus dan bagi tujuan penyelarasan, duti import bagi motosikal lain dikurangkan daripada 80 peratus dan 100 peratus kepada 60 peratus;

iii. had tempoh pengecualian cukai pendapatan daripada perniagaan pengendalian pelancong asing dan tempatan dilanjutkan selama 5 tahun lagi; dan

iv. duti eksais ke atas pembelian kereta nasional oleh pengusaha kereta sewa dikecualikan.

28. Bidang pendidikan juga diberi tumpuan bagi menampung keperluan tenaga mahir dalam era kemajuan teknologi maklumat dan persediaan untuk beralih ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan. Kerajaan berharap sektor swasta berupaya untuk menarik lebih ramai pelajar dari seluruh dunia untuk menimba ilmu di negara kita. Untuk mengurangkan kos menyediakan kemudahan pendidikan, semua Institusi Pengajian Tinggi Swasta dan institusi bahasa swasta diberi pengecualian duti import, duti eksais dan cukai jualan ke atas peralatan pembelajaran dan royalti yang diterima oleh bukan pemastautin dari Institusi Pengajian Tinggi Swasta bagi skim pendidikan francais diberi pengecualian cukai pendapatan. Di samping itu, Kerajaan memperuntukkan sejumlah 22.46 bilion ringgit untuk keperluan pendidikan negara.

29. Langkah-langkah percukaian di atas menyebabkan Kerajaan kehilangan hasil sebanyak 1.2 bilion ringgit. Bagi memastikan kedudukan kewangan Kerajaan terus kukuh dan perolehan hasil terjamin, langkah-langkah berikut diambil:

i. nilai jualan tahunan bagi tujuan pengenaan cukai perkhidmatan bagi restoran, bar, snek bar dan coffee house, kelab persendirian dan syarikat pengiklanan dikurangkan daripada 500 ribu ringgit kepada 300 ribu ringgit;

ii. nilai jualan tahunan sebanyak 300 ribu ringgit ke atas perkhidmatan profesional dikurangkan kepada 150 ribu ringgit; dan

iii. harga petrol dinaikkan sebanyak 10 sen selite

30. Berhubung dengan kenaikan harga petrol, ianya adalah wajar memandangkan Kerajaan selama ini telah mengorbankan begitu banyak hasil. Tambahan pula, sumbangan kos petrol dalam perbelanjaan isirumah adalah kecil iaitu kira-kira 0.4 peratus sahaja. Memandangkan kenaikan harga petrol hanya 8.3 peratus sahaja, saya percaya kenaikan yang kecil ini tidak membebankan rakyat.

31. Dalam Belanjawan 2002 yang dibentangkan dalam Dewan Rakyat baru-baru ini, Kerajaan juga telah mencadangkan kenaikan harga diesel sebanyak 10 sen seliter bagi mengurangkan perbelanjaan subsidi Kerajaan. Kerajaan amat prihatin terhadap rayuan pelbagai pihak, khususnya golongan nelayan dan pengusaha perkhidmatan pengangkutan. Dengan keprihatinan ini serta penurunan harga diesel di pasaran antarabangsa, Kerajaan telah menimbang semula dan memutuskan untuk mengekalkan harga diesel pada paras asal. Dengan keputusan ini, Kerajaan terpaksa menanggung tambahan subsidi sebanyak 471 juta ringgit setahun berasaskan harga semasa diesel di pasaran antarabangsa, menjadikan jumlah subsidi diesel sebanyak 1.1 bilion ringgit setahun. Oleh yang demikian, Kerajaan berharap pihak tertentu tidak lagi mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barangan dan perkhidmatan.

32. Untuk menyokong perkembangan sector pengangkutan, Kerajaan memperuntukkan sejumlah 5.7 bilion ringgit bagi pembangunan infrastruktur melibatkan pembinaan jalan raya dan jambatan, landasan kereta api, pelabuhan dan lapangan terbang. Kemudahan yang disediakan ini harus kita gunakan sepenuhnya sebagai pemangkin pertumbuhan dan penjana hasil dagangan. Dalam hal ini, lokasi strategik Pelabuhan Johor dan Lapangan Terbang Senai yang berdekatan dengan Singapura hendaklah diketengahkan sebagai pelabuhan dan lapangan terbang hub pergerakan kargo dan tarikan utama, dengan izin, integrated express operators tempatan dan antarabangsa. Kita yakin, ini dapat dijayakan jika sistem pengangkutan bersepadu bagi menghubungkan semua rangkaian pengangkutan darat, laut dan udara di selatan Semenanjung dibangunkan segera dan diurus dengan lebih cekap dan berkesan.

Strategi Ketiga: Memastikan Agihan Kekayaan Adalah Saksama

33. Dalam kita menikmati kemajuan negara, kita perlu juga memastikan agihan kekayaan adalah saksama, baik antara bandar dan luar bandar, antara yang berpendapatan rendah dengan yang berpendapatan tinggi mahupun antara negeri-negeri yang kurang maju dengan yang lebih maju. Bagi meningkatkan kualiti hidup masyarakat di luar bandar, Kerajaan menyediakan peruntukan yang terbesar pernah diberikan, iaitu sebanyak 5.34 bilion ringgit. Ini, antaranya, melibatkan 1.58 bilion ringgit untuk pertanian, 378 juta ringgit bagi pembangunan tanah dan wilayah serta 392 juta ringgit untuk pembangunan kampung dan masyarakat. Peruntukan ini juga bertujuan untuk melaksanakan projek jalan luar bandar, jalan kampung serta menyediakan bekalan air dan elektrik. Bagi bekalan air luar bandar, sebanyak 185 juta ringgit diperuntukkan dengan

tumpuan khas diberi kepada kawasan pedalaman, terutamanya di Sabah dan Sarawak. Untuk bekalan elektrik luar bandar, sejumlah 211 juta ringgit disediakan, manakala sejumlah 712 juta ringgit disediakan untuk pembinaan jalan luar bandar.

34. Kesihatan dan pendidikan di kalangan penduduk luar bandar juga diberi perhatian. Sejumlah 886 juta ringgit diperuntukkan bagi meningkatkan taraf kemudahan perkhidmatan kesihatan, termasuk melaksanakan program kesihatan keluarga seperti teleprimary care yang disediakan di klinik bidan, klinik desa dan klinik kesihatan di luar bandar.

35. Sebagai langkah merapatkan jurang antara bandar dan luar bandar dari segi pendidikan, sebanyak 900 juta ringgit disediakan bagi melaksanakan projek sekolah rendah dan menengah, sementara 100 juta ringgit lagi disediakan untuk 6 buah kolej matrikulasi baru. Bagi mengurangkan jurang digital, sejumlah 205.5 juta ringgit diperuntukkan bagi melaksanakan program pengkomputeran sekolah. Di samping itu, Kerajaan memperuntukkan sejumlah 180 juta ringgit khas untuk meningkatkan pendidikan di luar bandar di Sabah dan Sarawak, termasuk menyediakan kemudahan bekalan air bersih dan elektrik di sekolah-sekolah serta membina dan menaik taraf rumah guru.

36. Dalam memupuk budaya masyarakat penyayang, Kerajaan sentiasa prihatin terhadap kesukaran yang dihadapi oleh golongan rakyat miskin. Untuk meningkatkan kesejahteraan mereka, Program Kesejahteraan Rakyat yang dulunya dikenali sebagai Program Pembangunan Rakyat Termiskin telah dilaksanakan dengan memberi keutamaan kepada negeri-negeri yang mempunyai ramai rakyat miskin seperti Kelantan dan Terengganu. Bagi tujuan ini, sejumlah 204.5 juta ringgit diperuntukkan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Di samping itu, sebanyak 114.1 juta ringgit disediakan untuk program pembangunan Orang Asli. Ini, termasuk usaha untuk mengatasi masalah keciciran di 412 buah kampung mereka, melalui Program Pembangunan Minda dan mempergiatkan Program Pendidikan Pra-Sekolah melalui aktiviti TASKA dan TADIKA.

37. Bagi membolehkan rakyat, terutamanya golongan berpendapatan rendah, memiliki rumah pada harga yang mampu dibeli, sejumlah 943 juta ringgit diperuntukkan bagi menampung pelbagai projek termasuk Perumahan Awam Kos Rendah, Perumahan Rakyat Bersepadu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan di bandar lain. Bagi mengurangkan masalah perumahan yang dihadapi oleh kakitangan sektor awam, terutamanya anggota Angkatan Tentera dan Polis, peruntukan sebanyak 1.08 bilion ringgit juga disediakan.

38. Kerajaan juga terus melaksanakan Program Kebajikan Masyarakat. Sebanyak 193.8 juta ringgit disediakan, termasuk bagi kerja-kerja pembaikan dan naik taraf di 52 institusi kebajikan. Bagi pelajar-pelajar cacat pendengaran yang memasuki institusi pengajian tinggi tempatan, bantuan dalam bentuk pelajaran percuma disediakan oleh Kerajaan. Mereka juga akan diberi kemudahan penginapan dan makanan

percuma serta diberikan wang saku sebanyak 300 ringgit sebulan mulai 1 Januari 2002.

39. Bagi meningkatkan kualiti hidup wanita, terutamanya di luar bandar, Kerajaan memperuntukkan sejumlah 59 juta ringgit untuk membiayai pelbagai program khusus meliputi pembangunan usahawan wanita. Di samping membantu meningkatkan taraf hidup ibu tunggal, Kerajaan juga membenarkan balu-balu terus menerima bayaran pencen suami yang telah meninggal dunia, walaupun selepas mereka berkahwin semula.

40. Bagi menerapkan gaya hidup sihat Kerajaan berusaha mengurangkan tabiat merokok di kalangan masyarakat. Sehubungan ini, Kerajaan menaikkan duti import bagi tembakau daripada 180 ringgit sekilogram kepada 216 ringgit sekilogram, manakala duti eksais dinaikkan daripada 40 ringgit sekilogram kepada 48 ringgit sekilogram.

41. Kerajaan menghargai khidmat dan komitmen anggota perkhidmatan awam dalam menerajui usaha pembangunan negara. Bagi mengiktiraf pengorbanan kakitangan awam, Kerajaan telah menyediakan imbuhan dan kemudahan seperti berikut:

i. bonus sebanyak setengah bulan gaji atau sekurang-kurangnya 1,000 ringgit telahpun dibayar dan para pesara juga diberikan bayaran khas sebanyak 200 ringgit bagi tahun 2001;

ii. kenaikan gaji kakitangan awam sebanyak 10 peratus mulai 2002;

iii. elaun Kerja Luar Waktu untuk pegawai perubatan awam dinaikkan antara 25 hingga 50 peratus mulai 1 Oktober 2001;

iv. menaikkan kadar sagu hati tahunan bagi anggota sukarela di dalam pasukan keselamatan, daripada 400 ringgit kepada 520 ringgit;

v. kadar pemberian pakar untuk pegawai anggota sukarela Angkatan Tentera Malaysia dinaikkan 100 peratus daripada 150 ringgit kepada 300 ringgit setahun, manakala bagi lain-lain pangkat dinaikkan daripada 100 ringgit dan 75 ringgit setahun kepada 200 ringgit setahun; dan

vi. Skim Wang Pinjaman Kenderaan untuk guru-guru ditambah lagi 1 bilion ringgit daripada jumlah asal 250 juta ringgit untuk kemudahan membeli kenderaan.

PENUTUP

42. Dalam lebih seminggu lagi, umat Islam akan meraikan Aidil Fitri setelah berpuasa selama sebulan. Di beberapa negara Islam, rakyat mereka menderitanya kerana peperangan, keganasan atau bencana lain. Syukur Alhamdulillah, negara kita tetap aman. Kita dapat menyempurnakan ibadah puasa tanpa sebarang kesulitan dan gangguan. Rakyat Malaysia terus hidup dalam suasana aman dan harmonis. Kesemua ini adalah hasil kejayaan kita membangunkan negara dan keprihatinan Kerajaan terhadap kesejahteraan rakyat. Kerana itu, negara terus menikmati kemakmuran dan

kestabilan. Dalam hubungan ini, Kerajaan akan terus memantau kegiatan pelampau yang mahu menjadikan negara ini berada dalam kancah pergolakan. Jangan kita membiarkan mereka yang berpandangan sempit merosakkan perpaduan ummah dan menggugat kestabilan dan kemakmuran negara. Kita tidak mahu menjadikan Malaysia sebagai Afghanistan kedua.

43. Ramai antara kita yang akan meraikan perayaan seperti Krismas, sambutan Tahun Baru dan Tahun Baru Cina tidak lama lagi. Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk menambah pendapatan rakyat melalui potongan cukai individu, bayaran bonus dan pelbagai elaun insentif. Oleh yang demikian, berbelanjah bagi memeriahkan hari-hari perayaan nanti, di samping membantu menambah aktiviti ekonomi dan pertumbuhan ekonomi negara. Sama-samalah kita mengindahkan bandar, pekan, kampung dan rumah-rumah kita. Buktikanlah kepada dunia bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang aman dan sejahtera.

44. Pertumbuhan ekonomi negara yang perlahan berlaku ketika kita mula melaksanakan Rancangan Malaysia Kelapan dan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga. Oleh itu, dalam persekitaran luar yang tidak menentu dan semakin mencabar, kita mesti melipatgandakan usaha bagi memastikan ekonomi negara digerakkan melalui kecergasan kegiatan dalam negeri. Dengan usaha rakyat yang gigih kita pasti dapat menjamin ketahanan negara. Semangat dan kesungguhan untuk menguasai ilmu pengetahuan serta meningkatkan produktiviti dan daya saing akan dapat membawa kemajuan negara ke tahap yang lebih cemerlang. Ini akan membolehkan negara mencapai pertumbuhan seperti yang disasarkan dalam kedua-dua rancangan pembangunan negara untuk menjadi sebuah negara maju sepenuhnya. Saya percaya dengan berkat dan keredhaan Allah Subhanahu Wa Taala, kita mampu membentuk Malaysia sebagai sebuah negara yang progresif, aman dan makmur serta bermaruah, bebas dan dihormati oleh masyarakat antarabangsa.

Malaysia Boleh. Insya Allah.

Sumber : Pejabat Perdana Menteri